

NOTA MAKLUMAN

MENGENAI

**ADUAN PENCEMARAN SUNGAI AKIBAT DARI PELANGGARAN
BUFFER ZON OLEH SYARIKAT LADANG SAWIT BAGI CADANGAN
PROJEK PENANAMAN LADANG KELAPA SAWIT SELUAS 5,000 EKAR
DI MUKIM ULU NENGGIRI, DAERAH BERTAM, GUA MUSANG**

PADA

21 SEPTEMBER 2025

TUJUAN

Nota Makluman ini bertujuan untuk memaklumkan hasil siasatan dan tindakan-tindakan yang telah, sedang dan akan diambil oleh Jabatan Alam Sekitar berkaitan perkara di atas.

LATAR BELAKANG

2. Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menerima aduan daripada wakil orang asli berkaitan pencemaran sungai kesan daripada projek ladang kelapa sawit melalui surat bertarikh 21 September 2025.
3. Pengadu memaklumkan, air sungai yang menjadi nadi kehidupan mereka telah dicemari berikutan kerja-kerja penggondolan tebing sungai untuk aktiviti penanaman kelapa sawit. Pengadu tidak memaklumkan sungai yang terlibat di dalam surat aduan tersebut.

PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

Hasil Siasatan Jabatan Alam Sekitar Pada 23 September 2025

4. Siasatan pada 23 September 2025 mendapati projek yang terlibat adalah Projek Penanaman Ladang Kelapa Sawit seluas 5,000 ekar yang dimajukan oleh Perbadanan Menteri Besar Kelantan. Projek ini telah diluluskan laporan penilaian kesan kepada alam sekeliling (EIA) pada 8 Januari 2008 dan Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) telah diluluskan pada 5 November 2008.

5. Siasatan mendapati aktiviti kerja tanah dan membina teres sedang dijalankan di kawasan kompartmen 70 dan ianya menyebabkan aduan oleh penduduk iaitu orang asli di kawasan tersebut. Terdapat dua (2) alur air iaitu anak Sungai Rumlak dan terdapat sisa-sisa biomas (pokok) di kawasan alur air tersebut.

Hasil Siasatan Jabatan Alam Sekitar Pada 24 September 2025

6. Siasatan susulan telah dijalankan pada 24 September 2025 dan ujian *in-situ* air anak Sungai Rumlak dengan menggunakan alat Hach DR/890 Colorimeter mendapati bacaan bagi parameter pepejal terampai adalah 35mg/l.

Tindakan Jabatan Alam Sekitar

7. Sampel air sungai telah diambil untuk dianalisis oleh Jabatan Kimia Malaysia.

SYOR

8. Disyorkan Perintah Henti Kerja dan Notis Arahan kepada pemaju projek supaya menghentikan pelupusan sisa biomass ke dalam alur air dan membersihkan sisa biomass di alur air tersebut.
9. JAS akan meneruskan pemantauan secara berkala terhadap projek ini.

PENUTUP

10. Dengan hormatnya dipohon mengambil maklum hasil siasatan yang telah dijalankan dan tindakan-tindakan yang telah, sedang dan akan diambil oleh Jabatan Alam Sekitar terhadap kes ini.

JABATAN ALAM SEKITAR

3 Oktober 2025



Gambar 1: Aktiviti pembinaan teres di tebing anak Sungai Rumlak



Gambar 2: Sampel air anak Sungai Rumlak diambil untuk dianalisis oleh Jabatan Kimia Malaysia



Gambar 3: Ujian *in-situ* air anak Sungai Rumlak dengan menggunakan alat Hach DR/890 Colorimeter mendapati bacaan bagi parameter pepejal terampai adalah 35 mg/l.